



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)
Mercu MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld.3(II)

Tarikh : 24 Disember 2020

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 5/2020

GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN PENGANUGERAHAN KELAYAKAN AKADEMIK

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Untuk makluman tuan/puan, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah membangunkan dokumen 'Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kelayakan Akademik (Guidelines to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning for Award of Academic Qualifications, GGP: APEL.Q)'. Ia bertujuan untuk memberi panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam melaksanakan penganugerahan kelayakan akademik kepada calon pelajar yang layak berdasarkan pengalaman pembelajaran terdahulu.

3. GGP: APEL.Q dibangunkan bertujuan untuk:

- i) menyediakan dasar berkaitan pelaksanaan APEL.Q oleh PPT di Malaysia;
- ii) memberi panduan kepada PPT dan pihak berkepentingan tentang tujuan, proses dan prosedur berkaitan pelaksanaan APEL.Q; dan
- iii) menyediakan platform penganugerahan kelayakan berdasarkan pembelajaran yang diperoleh secara formal, *non-formal* dan *informal* sebagai menyahut seruan pembelajaran sepanjang hayat.

4. GGP: APEL.Q mengandungi 5 komponen utama iaitu:

- i) Polisi APEL.Q;
- ii) Permohonan, Instrumen Penilaian dan Prosedur;
- iii) Prosedur untuk PPT mendapatkan kelulusan melaksanakan APEL.Q;
- iv) Peranan MQA dan PPT; dan
- v) Jaminan Kualiti.



5. GGP: APEL.Q menetapkan bahawa permohonan PPT untuk melaksanakan APEL.Q perlu memenuhi ketetapan berikut:

- i) Program yang berkaitan telah mendapat Akreditasi Penuh;
- ii) PPT telah mendapat kelulusan untuk melaksanakan APEL.C; dan
- iii) PPT perlu menjalani bengkel latihan APEL.Q yang dianjurkan oleh MQA.

6. GGP: APEL.Q boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my bagi tujuan persediaan.

7. Pelaksanaan GGP: APEL.Q bagi penerimaan permohonan oleh PPT akan berkuat kuasa pada **1 Julai 2021**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



PROF. DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR